

ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN MELAKA BIL. 2/2010

KAEDAH-KAEDAH TANAH MELAKA (PINDAAN) (2) 2009: KADAR BARU BAYARAN PROSES PERMOHONAN INDIVIDU WARGANEGARA ASING UNTUK MEMILIKI HARTANAH DI MELAKA MELALUI PINDAHMILIK HARTANAH SECARA PESAKA DAN PEMBERIAN PROBET

Arahan ini dikeluarkan bertujuan untuk memaklumkan mengenai kadar baru bayaran proses permohonan individu warganegara asing untuk memiliki hartanah di Melaka melalui pindahmilik hartanah secara Pesaka dan Pemberian Probet.

2. Pada 10 September 2009, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Melaka ("MMKN") telah memutuskan untuk meningkatkan kadar bayaran proses permohonan individu warganegara asing untuk memiliki hartanah di Melaka melalui pindahmilik hartanah secara Pesaka dan Pemberian Probet daripada RM50.00 kepada RM200.00.
3. Sejajar dengan keputusan tersebut, Kaedah-kaedah Tanah Melaka (Pindaan) (2) 2009 ("Kaedah tersebut") yang memasukkan kadar baru bayaran proses tersebut telah diluluskan oleh MMKN pada 16 September 2009 dan disahkan pada 7 Oktober 2009. Tarikh kuatkuasa pindaan ini ditetapkan pada 1 Oktober 2009.
4. Dengan yang demikian, bayaran proses permohonan individu warganegara asing untuk memiliki hartanah di Melaka melalui pindahmilik hartanah secara Pesaka dan Pemberian Probet adalah sebanyak RM200.00 seperitimana ditetapkan di bawah subkeadah 20(1), Item 66A (iii), Kaedah-kaedah Tanah Melaka 1966.

5. Arahan ini hendaklah dipatuhi dengan serta merta.

(WAN IDRUS BIN WAN SARIFF)

Pengarah Tanah dan Galian
Melaka

Bertarikh : 18 haribulan Februari 2010

No. Rujukan fail : PTGM. UP.100/3/2 (2)